

GERAKAN AHLI SUNNAH DI PERLIS:
SUATU KAJIAN TENTANG KAUM MUDA (1927-1970)

oleh

ABD. RAHMAN H.J. ABDULLAH

ARKIB

rb
f AC895
M22R153

KAHIDIAH.

GERAKAN AHLI SUNNAH

DI PERLIS: SUATU KAJIAN

BAB 1: GERAKAN TENTANG KAUM MUDA.

BAHAGIAN 1: PERJALANAN GERAKAN AHLI SUNNAH DI PERLIS
(1927 - 1970)

- BAB 2: GERAKAN AHLI SUNNAH DI PERLIS
1. Peringkat Pengetahuan (1927-1941)
2. Peringkat Kewangan (1941-1960)
3. Peringkat Keupayaan (1946-1960)
4. Peringkat Komuniti (1960-1970)
oleh:

ABD.RAHMAN HJ.ABDULLAH

1. Meringkasan

2. Kesimpulan

SAMPAI: 1. 2200APRIL 1979 supervisor: AHLI SUNNAH

LAMPIRAN 1: JENAMA-JENAMA PENGETAHUAN

DR.CHEAH BOON KHENG

LAMPIRAN 2: TULISAN-MULIHAN DANIAH

LAMPIRAN 3: NAFZALAH AL-KHAN

LAMPIRAN 4: GATHAR-JAMIAH RAZMI

LAMPIRAN 5: OMAR-JAMIAH TOKOH AHLI SUNNAH

BILBIOGRAPHY

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana
Muda Sastera, Jurusan Sejarah, Universiti Sains Malaysia

Sessi 1979/80

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PENDAHULUAN | 1 |
| PENCHARGAAN | 3 |
| BAB 1: GERAKAN PEMBARUAN DALAM ISLAM | 4 |
| BAB 2: PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI PERLIS | 15 |
| BAB 3: GERAKAN AHLI SUNNAH DI PERLIS | 22 |
| 1. Peringkat Pembentukan (1927-1941) | |
| 2. Peringkat Kebekuan (1942-1945) | |
| 3. Peringkat Kemantapan (1946-1960) | |
| 4. Peringkat Konflik (1960-1970) | |
| BAB 4: PENUTUP | 47 |
| 1. Keringkasan | |
| 2. Kesimpulan | |
| LAMPIRAN 1: BIOGRAFI TOKOH-TOKOH AHLI SUNNAH | 51 |
| LAMPIRAN 2: PERLEMBAGAAN NEGERI PERLIS | 57 |
| LAMPIRAN 3: TULISAN-TULISAN TANGAN | 59 |
| LAMPIRAN 4: MAJALAH AL-LISAN | 62 |
| LAMPIRAN 5: GAMBAR-GAMBAR RESMI | 63 |
| LAMPIRAN 6: GAMBAR-GAMBAR TOKOH AHLI SUNNAH | 66 |
| BIBLIOGRAFI | 69 |

berikut yang ditunjukkan oleh Prof. Dr. Ismail Sabri, seorang ahli sejarah dan politik Islam yang dikenal dengan pengetahuan mendalam tentang sejarah Islam di Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur, serta peran Islam dalam politik dan sosial anti kolonial.

Prof. Dr. Ismail Sabri (Rusia Impar, 1975), hal. 109.
Aldred, Michael, 1987, "Some Malaya-Diaspora Innovation and Reactions
to the Japanese Occupation 1942-1945", *Transcript*(ed.), *Review on Malayan
Studies*, Singapore, 1987, hal. 184.

PENDAHULUAN.

Dalam pengkajiannya tentang gerakan pembaruan di Tanah Melayu, Prof. William R. Roff telah cuba memperlihatkan wujudnya dua tahap dalam perkembangannya. Pada peringkat awalnya sehingga tahun-tahun 1920an, gerakan pembaruan sebagaimana dilambangkan melalui 'Al-Imam' lebih menekankan soal-soal agama di samping menganjurkan perubahan sosial atau pelajaran. Dengan menyeru ke arah sikap rasional dalam menentukan sesuatu, mereka menyerang sikap bertaklid buta, menolak adat-adat yang kolot dan segala bentuk hirarki sosial. Gerakan mereka tidaklah bersifat politik, tetapi implikasinya mengancam 'status quo' elit-elit tradisional, khasnya golongan aristokrat dan ulama-ulama kampung. Di sinilah timbulnya konsep 'Kaum Muda' yang disifatkan sebagai anti tradisi, dan 'Kaum Tua' yang cuba mempertahankan tradisi.

Menjelang tahun-tahun 1920an, muncullah tokoh-tokoh sekular Melayu memainkan peranannya, atau barangkali telah mengambil-alih peranan kaum reformis sebelumnya. Seolah-olah merasa terhimpit oleh angin keduniawian tersebut, kaum reformis semacam terpaksa mengubah rentak perjuangannya. Apalagi dengan timbulnya isu-isu yang cuba menyamakan gerakan Kaum Muda dengan Komunis, maka bermulalah imej politik terhadapnya.¹ Tetapi yang benar-benar membentuk sifat politik terhadap gerakan pembaruan ialah kegiatan pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia di Mesir melalui majalah-majalah 'Seruan Azhar'(1925-28) dan 'Pilehan Timour'(1927-28). Tulisan-tulisannya yang bersifat politik berkisar kepada tiga soal; Pan Islamisme, Pan Malayanisme dan nasionalisme anti kolonial.²

Demikianlah seperti yang ditunjukkan oleh Prof.Roff bahawa apabila gerakan pembaruan menuju zaman transisi pada tahun-tahun 1920an, sifat-sifat keduniawian dan politiknya semakin ketara, meskipun sifat asasinya yang anti tradisi itu tetap menjadi bawaannya.

¹ Roff, W.R, Nasionalisma Melayu (Kuala Lumpur, 1975), hal. 109.

² ibid, hal.111; Roff, "Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941", Tregonning(ed), Papers on Malayan History, University of Singapore, 1962, hal.184.

Kajian ini sebenarnya lebih memusatkan perhatian kepada gerakan pembaruan dalam zaman transisinya, iaitu sejak tahun-tahun 1920an. Dan kawasan yang dipilih untuk dikaji ialah negeri Perlis. Ada beberapa sebab kenapa Perlis dijadikan kajian. Pertama kerana di Perlislah tempatnya di mana tokoh-tokoh zaman transisi tersebut ber-giatan, dan dengan itu jelas memperlihatkan ciri-ciri perbezaannya dengan gerakan pembaruan sebelumnya. Kedua, dan ini yang penting, ialah di Perlislah gerakan pembaruan mencapai kejayaan dalam erti-kata sebenarnya, iaitu dengan meletakkan sebuah negeri di bawah kawasan pengaruhnya.

Tentang metode kajian, caranya lebih menekankan prinsip 'causation', iaitu dengan membahas sebab-sebab berlakunya sesuatu peristiwa dan juga kesan-kesannya. Dan berdasarkan prinsip inilah gerakan pembaruan di Perlis dibahagikan kepada beberapa tahap yang di dalamnya terkandung ciri-ciri khusus yang membezakannya dengan tahap-tahap lain. Kajian ini kemudian ditamatkan dengan suatu kesimpulan yang cuba menganalisa ciri-ciri khusus gerakan pembaruan di Perlis yang telah membawa kepada kejayaan yang gilang gemilang.

Tentang sumber-sumber rujukan, bacaan-bacaan yang dipergunakan seboleh-bolehnya dipilih jenis-jenis yang menitik-beratkan gerakan pembaruan, baik dari sumber pertama oleh tokoh-tokoh reformis tersebut maupun sumber-sumber kedua yang membicarakan perjuangan mereka. Dan tentang sumber lisan, kebanyakannya yang ditemui adalah terdiri daripada tokoh-tokoh yang pernah terlibat, atau sekurang-kurangnya hidup di zaman berlakunya gerakan tersebut di Perlis. Sebagai suatu gerakan pembaruan yang lebih bercorak politik, semestinya kebanyakannya tokoh-tokoh yang ditemui adalah dari kalangan tokoh-tokoh politik atau pentadbir.